

DEFINISI UNTUNG

Perspektif Islam :

Untung dalam bahasa Arab ialah *al-ribh* yang bermaksud pertambahan/-pertumbuhan kegiatan perniagaan. Dari segi istilah ialah lebih & pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur iaitu usaha (*al-'amal*) & modal (*ra'su al-mal*).

Imam al-Tabari :

Untung wujud apabila berlakunya pertukaran antara barang sama ada nilai barang itu sama atau melebihi harga belian tersebut.

Al-Nisaburi :

Mendefinisikan perniagaan (*al-tijarah*) kerana wujud untung di dalamnya.

Al-Qurtubi :

Merujuk kepada ungkapan kebiasaan orang Arab iaitu "*kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu*".

KONSEP KEUNTUNGAN

Para Fuqaha' :

Membahagikan keuntungan kepada dua kategori iaitu *bab zakat* dan *bab al-murabahah*.

ZAKAT

Pertambahan ke atas modal dan ia ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat iaitu harta yang berkembang (*al-namiyah*).

AL-MURABAHAH

Pertambahan ke atas modal dan pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut.

BAB ZAKAT

Imam al-Mawardi :

Zakat itu wajib ke atas harta yang mampu berkembang melalui usaha atau secara sendirinya.

Ibnu Qudamah :

Menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang ialah haiwan ternakan dan buah-buahan dengan syarat cukup *nisab* dan *hawl*.

Al-Kasani :

Zakat tidak akan diperolehi kecuali dari harta yang berkembang.

BAB AL-MURABAHAH

Al-Baghdadi :

Menyatakan konsep keuntungan adalah lebihan ke atas modal selepas mengurangkan segala kos (beban) perbelanjaan tertentu dalam memperoleh keuntungan.

Imam Malik :

Untung wujud apabila berlaku pengeluaran akad secara lisan meski barang belum dipindahkan ke tempat asalnya.

Ibnu Khaldun :

Beliau menyatakan membeli barang dengan harga murah, jual semula dengan harga mahal adalah disebut sebagai untung.

PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN PENDEKATAN FUQAHA'

Terbahagi kepada dua pendekatan iaitu **ukuran yang tetap** (*al-mi'yar al-jamid*) dan **ukuran yang fleksibel** (*al-mi'yar al-marin*). Pendekatan tersebut adalah untuk menentukan ukuran bagi membezakan antara *al-ghabn al-fahisy* dan *al-ghabn al-yasir*.

UKURAN YANG TETAP

Al-Khajnadi (Golongan Hanafi) :

Melihat *al-ghabn al-fahisy* pada takat melebihi nisf al-'usyur. Melihat *ghabn al-yasir* tidak melebihi nisf al-'usyur/tepat pada kadar nifal-'usyur.

Ibn Yahya al-Bakhi :

Berpandangan al-Ghabn pada barang perniagaan (al-'arud) adalah nisf al-'usyur, al-Ghabn pada haiwan ialah al-'usyur iaitu 1/10 dan al-Ghabn pada barang tak alih/al-'aqar ialah sebanyak al-khumus (1/5). Keuntungan melebihi ketentuan dianggap *al-fahisy/melampau*.

Golongan Maliki & Golongan Syafi'i :

Meletakkan kadar al-thuluth iaitu 1/3 atau lebih sebagai *al-ghabn al-fahisy*.

Golongan Hanbali :

Terjadinya *al-ghabn al-fahisy* ialah pada kadar al-thuluth (1/3) atau al-sudus (1/6).

Al-Mardawi :

Berpandangan kadar al-rubu' (1/4) sebagai *al-ghabn al-fahisy*.

Golongan al-'Ibadiyyah :

Menetapkan kadar al-thuluth (1/3) atau lebih dalam menganggap sesuatu lebihan yang wujud dalam urus niaga sebagai *al-ghabn al-fahisy*.

UKURAN YANG FLEKSIBEL

Ibn 'Abidin :

Melihat *al-ghabn al-fahisy* sebagai suatu nisbah (keuntungan) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir (al-muqawwim). Sekiranya kadar keuntungan yang dibuat melebihi taksiran pentaksir, maka ia dianggap *al-ghabn al-fahisy*.

Sebahagian Ulama' Maliki :

Sponsored by **Readable.com**

Measure your website readability!

<https://readable.com>

UKURAN YANG FLEKSIBEL (cont)

Berbeza pendapat dalam penetapan kadar *al-ghabn al-fahisy* sama ada pada kadar 1/3 atau lebih. Ada yang mengatakan ia tiada had tertentu. Ia bergantung kepada kebiasaan yang berlaku sesama peniaga. Jika berlakunya **al-taghabun** (saling melakukan sesama mereka), maka tiada pilihan bagi **al-maghbun** (mangsa keadaan), manakala jika berlaku di luar kebiasaan **al-maghbun** punya pilihan.

Al-Mardawi :

Nisbah al-ghabn perlu ambil kira **al-'uruf** semasa (kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi. Nisbah hendaklah sedikit sahaja, agar mudah peroleh pulangan modal.



By **nurulfahriana** (fahriana)
cheatography.com/fahriana/

Published 9th July, 2020.
Last updated 8th July, 2020.
Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>